

29 SEP 1998

TUKARAN-KAWALAN/I

KAWALAN TUKARAN WANG TIDAK BERMAKNA SEKATAN FDI, KATA PM

JOHOR BAHRU, 29 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kawalan tukaran wang asing tidak bermakna sekatan pelaburan langsung asing dalam aktiviti-aktiviti yang produktif.

Perdana Menteri berkata kadar tukaran wang asing yang ditetapkan itu akan mempermudah perancangan belanjawan pelaburan dan pemprosesan barangan bagi pasaran-pasaran dalam negeri dan antarabangsa.

Tiada juga halangan dalam membawa pulang keuntungan, katanya di dalam ucapannya yang dibacakan oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman pada pembukaan rasmi Outokumpu Copper Products (M) Sdn Bhd di Pasir Gudang, dekat sini, hari ini.

"Masyarakat perniagaan, asing dan juga tempatan, patut mengalu-alukan ini. Lindung nilai yang mahal tidak lagi perlu," katanya.

Dr Mahathir berkata matlamat utama langkah-langkah kawalan tukaran wang asing adalah untuk memulihkan kebebasan matawang dan menebat ekonomi domestik daripada ketidak pastian dan manipulasi ekonomi di seluruh dunia.

Beliau menegaskan bahawa perubahan dengan itu bertujuan membendung spekulasi ke atas ringgit dan mengurangkan kesan pengaliran masuk modal jangka pendek ke atas ekonomi dalam negeri.

"Dalam tempoh penyusunan semula, pastinya ada banyak bantahan di kalangan pelabur asing. Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi jaminan kepada pelabur-pelabur asing bahawa kerajaan akan terus memperkukuhkan dasar-dasar pro perniagaan bagi pelabur-pelabur jangka panjang," kata Dr Mahathir.

Kerajaan Malaysia pada 1 Sept 1998 menguat kuasakan undang-undang kawalan tukaran wang asing dan menetapkan ringgit pada RM3.80 kepada AS\$1.

Dr Mahathir berkata krisis ekonomi dan kewangna yang berpanjangan sejak Julai 1997 mengakibatkan penguncupan di dalam ekonomi-ekonomi di rantau ini setelah satu dekad pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Malaysia tidak terkecuali daripada kegawatan itu yang mengakibatkan penguncupan dalam hampir semua sektor ekonomi dalam dua suku pertama tahun ini, katanya, sambil menambah kata bahawa pertumbuhan KDNK sebenar mengecil sebanyak 2.8 peratus dan 6.8 peratus masing-masing.

Perdana menteri berkata: "Berlatar belakangkan perkembangan global yang berterusan itu, Malaysia tidak ada pilihan tetapi mengambil langkah-langkah radikal untuk menyekat sebab-sebab asas kelembapan ekonomi iaitu penurunan nilai secara manipulasi matawang dan pengeluaran secara sengaja modal daripada pasaran saham."

-- BERNAMA

MKO SHY OS